

DATE: 25/08/2007

# Kuala Lumpur, Tokyo perbaharui tekad

BH- 25/8/2007

Oleh Shamshul Azree Samshir

**P**UTRAJAYA: Malaysia dan Jepun semalam memperbaharui tekad bagi memperkukuhkan hubungan kedua-dua negara, termasuk dalam lima bidang utama meliputi politik dan keselamatan, ekonomi, pembangunan modal insan, alam sekitar dan tenaga serta arena antarabangsa.

Membuktikan iltizam itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan rakan sejawatnya dari Jepun, Shinzo Abe, menandatangani kenyataan bersama bertema 'Persahabatan Berkekalan dan Perkongsian Bermakna: Ke Arah Masa Depan Sama' sempena ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik Malaysia-Jepun.

Kenyataan bersama lapan muka surat itu ditandatangani Abdullah dan Abe di Pejabat Perdana Menteri di sini, pada hari kedua lawatan rasmi tiga hari Perdana Menteri Jepun itu ke Malaysia.

Terdahulu, ketibaan Abe dan isteri, Akie Abe disambut Abdullah dan isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah disusuli upacara sambutan rasmi di Dataran Perdana, Kompleks Putra

Perdana, kira-kira jam 8.30 pagi.

Dalam kenyataan bersama selepas mesyuarat itu, Abdullah dan Abe menyatakan keazaman meningkatkan kerjasama dalam menghadapi isu serantau dan antarabangsa.

Kenyataan bersama itu didahului ucapan tahniah oleh Abe atas sambutan ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara dan beliau turut menyatakan rasa hormat di atas pencapaian Malaysia.

Abdullah juga merakamkan penghargaan kepada Jepun atas kerjasama ekonomi yang terjalin sejak dulu. Kedua-dua pemimpin itu bersetakat bahawa lawatan Abe ke Malaysia menyuntik semangat baru dalam hubungan Kuala Lumpur-Tokyo.

Abe turut mengundang Perdana Menteri melawat Jepun dan Abdullah menerima pelawaan itu sambil menyatakan ia akan dibuat pada masa yang dipersetujui bersama.

Dalam kenyataan itu, kedua-dua negara memperakui Dasar Pandang ke Timur yang diperkenalkan kira-kira 25 tahun lalu mempunyai peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara, malah membentuk jalinan kukuh dalam hubungan rakyat.

Abe juga merakamkan penghormatan kepada Malaysia yang menghantar kira-kira 11,000 pelajar dan pelatih ke Jepun sepanjang tempoh 25 tahun dasar berkenaan diperkenalkan dan memberi jaminan Tokyo akan terus menyokong dan membantu program pembangunan modal insan di bawah Dasar Pandang ke Timur.

Abdullah pula menyatakan Malaysia akan terus menghantar pelajar dan pelatih mengikuti pelbagai latihan dan pengajian di Jepun.

Kedua-dua Perdana Menteri juga menyokong program pertukaran insan, terutama golongan remaja dan pelaksanaan program Japan-East Asia Network of Exchange for Students and Youths (Jenesys) yang diumumkan Abe pada Sidang Puncak Asia Timur Kedua di Cebu, Januari lalu.

Abdullah dan Abe turut menyatakan komitmen untuk bekerjasama menegerakan penubuhan Universiti Teknologi Antarabangsa Malaysia-Japan (MJIUT) sebagai pusat pembangunan modal insan.

Dalam aspek politik dan keselamatan, Abdullah dan Abe memperkukuhkan komitmen meningkatkan integrasi serantau, keamanan, kese-

lamatan, kestabilan dan kemakmuran melalui kerjasama lebih erat dalam mekanisme seperti Dialog Asean-Jepun, proses Asean Plus Three, Sidang Puncak Asia Timur dan Forum Serantau Asean.

Kedua-dua pemimpin juga memperakui sasaran mewujudkan Komuniti Asia Timur dengan Asean menjadi pemacunya.

Selain itu, Abdullah dan Abe menekankan mengenai pentingnya menegerakan cadangan penyusunan semula Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), terutama Majlis Keselamatan.

Abdullah turut mengulangi sokongan Malaysia terhadap hasrat Jepun menjadi anggota tetap Majlis Keselamatan PBB.

Mereka juga bersetuju menegerakan inisiatif mempromosikan kerjasama serantau seperti kajian mengenai Usaha sama Ekonomi Komprehensif di Asia Timur (CEPEA) serta penubuhan Institut Penyelidikan Ekonomi bagi Asean dan Asia Timur (ERIA).

Kedua-dua pemimpin juga menegerakan pelaksanaan perjanjian Malaysia-Jepun dalam usaha sama ekonomi, berkuat kuasa tahun lalu.